

## **HISBAH AKHLAK DALAM PENDIDIKAN ISLAM KE ARAH MEMPERKASAKAN REMAJA DI MALAYSIA**

Oleh : Mardzelah Makhsin & Mohamad Fadhli bin Ilias

### **Abstrak**

Hisbah ialah amalan refleksi dalam pendidikan Islam yang bertujuan membentuk kesedaran berakhhlak terhadap kepatuhan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*. Amalan refleksi hisbah amat penting dalam pembentukan akhlak mulia sebagaimana yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam. Amalan ini juga merupakan alternatif dalam menangani gejala kemerosotan akhlak remaja yang menghadapi krisis identiti diri dan terlibat kegiatan jenayah. Bagi mengatasi gejala ini, golongan remaja seharusnya disedarkan bahawa mereka perlu membina sahsiah diri dan akhlak yang baik supaya mereka dapat melepassi krisis identiti diri yang dialami ketika usia remaja. Sehubungan itu, amalan hisbah dalam Pendidikan Islam adalah mekanisme kawalan berakhhlak yang berupaya memperkasakan remaja dengan kepatuhan terhadap *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*.

Kata kunci : Hisbah, *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*; AKhlak; Pendidikan Islam; Remaja.